

Headline	UniKL perlu lebih waspada jumpa TNB		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	15 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	33
ArticleSize	146 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,098		



UniKL perlu lebih waspada jumpa TNB

Kuala Lumpur: Meskipun menang bergaya pada aksi pertama, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) tetap berwaspada dengan ancaman Tenaga Nasional Berhad (TNB) apabila bertemu dalam saingan Liga Premier, Liga Hoki Malaysia di Stadium Hoki Pantai, hari ini.

UniKL mendapat suntikan semangat terbaik selepas membelasah Sekolah Sukan Tunku Mahkota (SSTMI) 5-0 kelmarin.

Menang besar

Bagaimanapun, TNB juga meraih kemenangan besar selepas menumpaskan TNB Thunderbolts 6-1 pada aksi pertama.

Jurulatih UniKL, Arul Selvaraj

menggesa barisan pemainnya memberi fokus sepenuhnya untuk berdepan TNB yang dibarisi ramai pemain muda.

“TNB adalah pasukan yang bagus, semangat mereka sangat tinggi dan tidak pernah mengenal erti putus asa hingga tamat perlawanan.

“Mereka pasti meletakkan sandaran tinggi kepada penjaga gol berpengalaman, S Kumar selain pakar pukulan sudut penalti Shahril Saabah.

“Kehadiran Faiz Helmi Jali (**gambar**) pada musim ini juga memberi impak yang besar kepada mereka. Kami tidak boleh memberi sebarang ruang kepada lawan untuk melakukan serangan balas,” katanya.

Oleh Mohamad Zulfaizan Mansor

